**FINANCIAL PARK (LABUAN) SDN. BHD.**
(Company No. 199201002737)

Tel : 087-419 477 (5 Lines)
Fax : 087-425 650
Website : www.fpl.com.my

**Management Office**
Level 14(A) & 15(A1), Block 4 Office Tower
Financial Park Complex Labuan
Jalan Merdeka
87000 W. P. Labuan
Malaysia

Ruj. Kami: FPL/MKT/L/0020

**UNTUK PERHATIAN SEGERA**

10hb Januari 2022

Penyewa yang dihormati
Blok Utama, Blok 4 Menara Pejabat, Podium,
Beta Service Apartment dan Alpha Condominium,
Financial Park Complex Labuan.

Tuan/Puan,

**PENGUATKUASAAN SOP TERKINI TERHADAP PROTOKOL KESIHATAN UMUM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) – SOP Fasa 4 yang dikemaskini pada 3hb Januari 2022 dan berkuatkuasa secara retrospektif pada 26hb Ogos 2021, hanya orang awam, penyewa, pelanggan dan pekerja dengan status Berisiko Rendah *(Low Risk)* termasuk Kontak Kasual Berisiko Rendah *(Casual Contact Low Risk)* dalam MySejahtera dan yang telah mendapat Vaksin Lengkap sahaja dibenarkan masuk ke dalam kompleks membeli-belah, premis perniagaan dan pejabat.

3. Pihak FPL diwajibkan undang-undang untuk melaksanakan dan menguatkuasakan arahan tersebut dengan serta-merta. Kami menggesa semua penyewa, rakan niaga dan orang awam untuk memahami kesan perubahan Prosedur Operasi Standard (SOP) ini ke atas operasi premis perniagaan dan pejabat masing-masing serta mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi mematuhinya serta memastikan kelangsungan operasi masing-masing.

4. Sila rujuk SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang bertarikh 3hb Januari 2022 , Aktiviti 7 (Protokol Kesihatan Umum) dan Aktiviti 16 yang telah dikeluarkan oleh pihak MKN seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**(Nazrul Hisyam Mohd. Noh)**
Pengarah Urusan

KGS
ISO 9001 Cert No: 110195
STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED CERTIFICATION BODY
MS ISO/IEC 17021:2011
QS 18042014 CB 15

# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 4

TARIKH KEMAS KINI: 3 JANUARI 2022

| Aktiviti Dibenarkan |
|---|
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Aktiviti Tidak Dibenarkan |
|---|
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Arahan Tetap |
|---|
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Kawasan Terlibat | **SELURUH NEGARA.**<br>***SOP ini perlu dibaca bersama SOP Khusus Wilayah Persekutuan Labuan.**<br>****Bagi Sabah, sila rujuk Pelan Pemulihan Negara – SOP Fasa 4 Sabah.**<br>*****Bagi Sarawak, sila rujuk Pelan Pemulihan Negara – SOP Fasa 4 Sarawak.**<br>******Bagi kawasan yang dikuatkuasakan PKPD, SOP PKPD di kawasan berkenaan adalah berkuatkuasa sehingga tarikh tamat PKPD tersebut.** |
| 2. Tempoh Kuat Kuasa | • **Bagi W.P. Labuan bermula pada 26 Ogos 2021 (mulai 12.01 pagi).**<br>• **Bagi Negeri Sembilan bermula pada 24 September 2021 (mulai 12.01 pagi).**<br>• **Bagi Negeri Pahang bermula pada 8 Oktober 2021 (mulai 12.01 pagi).**<br>• **Bagi Negeri Melaka, Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya bermula pada 18 Oktober 2021 (mulai 12.01 pagi).**<br>• **Bagi Negeri Terengganu dan Johor bermula pada 25 Oktober 2021 (mulai 12.01 pagi).**<br>• **Bagi Negeri Perlis, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Kedah bermula pada 8 November 2021 (mulai 12.01 pagi).**<br>• **Bagi Negeri Sarawak dan Kelantan bermula pada 3 Januari 2022 (mulai 12.01 pagi).** |

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 3. Vaksinasi Lengkap | • Individu yang telah lengkap divaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:<br>i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cominaty (Pfizer-BioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau<br>ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.<br>• Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, mereka perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar. |

### Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*

### Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 4. Warganegara dan Bukan Warganegara yang Pulang/ Tiba dari Luar Negara | • Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai kediaman di Malaysia (termasuk PR dan Malaysia MY Second Home) yang pulang atau tiba dari luar negara dan telah lengkap divaksin, **dibenarkan** menjalani kuarantin wajib di rumah dan diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) digital tertakluk kepada **penilaian risiko** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan perincian yang dikeluarkan oleh KKM.<br>➢ Menunjukkan bukti laporan ujian RT PCR dengan keputusan negatif yang dijalankan 3 hari sebelum berlepas.<br>➢ Mempunyai sijil sah vaksinasi COVID-19 dos lengkap (bergantung kepada jenis vaksin).<br>➢ Tiada gejala semasa saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa Negara (PMA).<br>➢ Mempunyai tempat kediaman yang sesuai untuk dijalankan kuarantin.<br>• Individu yang pulang / tiba dari luar negara dan belum lengkap divaksin atau tidak divaksin perlu menjalani kuarantin di pusat kuarantin yang ditetapkan serta tertakluk kepada perincian yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).<br>• Tempoh kuarantin wajib bagi pengembara dari luar negara adalah 7 hari di rumah (jika sesuai) atau stesen kuarantin bagi pengembara dengan vaksinasi lengkap. Manakala tempoh kuarantin wajib 10 hari di stesen kuarantin bagi pengembara yang tidak divaksin lengkap.<br>• Pengembara dikehendaki membuat penilaian kendiri setiap hari melalui *Home Assessment Tool* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera dan aktiviti ini perlu diteruskan sehingga tamat tempoh kuarantin (sama ada 7 hari atau 10 hari dari tarikh ketibaan).<br>• Pengembara dikehendaki menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 iaitu ujian RT-PCR COVID-19 semasa ketibaan di PMA. |

| Aktiviti Dibenarkan |
| --- |
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |
| **Aktiviti Tidak Dibenarkan** |
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |
| **Arahan Tetap** |
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
| --- | --- |
| 5. Perintah Pengawasan dan Pemerhatian bagi Kontak Rapat | • Tempoh kuarantin 7 hari di rumah bagi individu yang lengkap divaksin.<br>• Tempoh kuarantin 10 hari di rumah bagi individu yang tidak lengkap divaksin. |
| 6. Protokol *Test and Release (T&R)* | • Program rintis protokol *test and release* (T&R) bagi pengembara yang tiba dari negara yang berisiko rendah sahaja.dengan syarat perjalanan atau *itinerary* yang ketat dan terhad bagi lawatan rasmi kepada kumpulan pengembara seperti berikut:<br>➢ Pembesar Negara<br>➢ Menteri<br>➢ Timbalan Menteri<br>➢ Menteri Besar<br>➢ Ketua Menteri<br>➢ Exco Kerajaan Negeri<br>➢ Ahli-ahli Parlimen<br>➢ Pegawai-pegawai Kerajaan<br>• Antara syarat-syarat yang dikenakan adalah:<br>➢ Mengemukakan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan bersama dokumen sokongan kepada KKM bagi tujuan kelulusan.<br>➢ Menjalani ujian RT-PCR 3 hari sebelum berlepas pulang ke Malaysia.<br>➢ Menjalani ujian RT-PCR setibanya di mana-mana pintu masuk negara. |

| Aktiviti Dibenarkan |
|---|
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Aktiviti Tidak Dibenarkan |
|---|
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Arahan Tetap |
|---|
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 7. Protokol Kesihatan Umum | • Pemegang lesen dan pemilik premis **diwajibkan** menyediakan kemudahan Kod QR MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan.<br>• *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk.<br>• Penggunaan aplikasi MySejahtera **diwajibkan** di kawasan capaian internet yang luas. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan hanya dibenarkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).<br>• Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan pelanggan *check in* premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon sekiranya tiada liputan internet.<br>• Majikan, pekerja, pelanggan dan pengunjung **diwajibkan** *check in* MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon yang boleh dibaca (sekiranya tiada liputan internet) sebelum memasuki premis termasuk di pejabat Kerajaan, swasta dan persendirian.<br>• Bagi kompleks membeli belah, pasar raya atau *departmental store*, pelanggan hanya perlu menjalankan imbasan suhu badan sekali sahaja di pintu masuk kompleks dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks.<br>• Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius adalah **tidak dibenarkan** memasuki kompleks dan premis.<br>• Pihak pemilik kompleks dan premis di luar kompleks perlu memastikan hanya pelanggan dengan status *"Low Risk"* termasuk *"Casual Contact Low Risk"* dalam MySejahtera atau Kad Vaksinasi COVID-19 dibenarkan masuk ke kompleks atau premis masing-masing.<br>• Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 7. Protokol Kesihatan Umum | • Individu berumur 12 tahun ke bawah **tidak digalakkan** untuk berada di tempat dan kemudahan awam.<br>• Pemegang lesen dan pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dalam sesuatu masa.<br>• Setiap premis perlu memaparkan jumlah had kemasukan pelanggan pada sesuatu masa. Penggunaan sistem nombor giliran digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu premis.<br>• Semua pemilik bangunan perlu menyediakan Kod QR di setiap aras.<br>• Pekerja, pembekal dan pelanggan **diwajibkan** memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di premis.<br>• Memastikan **VENTILASI DAN SISTEM PENGUDARAAN** yang baik di premis berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).<br>• Mematuhi garis panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (sila rujuk laman sesawang KKM di https://covid19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts).<br>• **Diwajibkan** memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat awam **kecuali** bagi aktiviti dan tempat seperti berikut:<br>a) Bilik hotel atau penginapan berbayar bersendirian dan melibatkan ahli isi rumah.<br>b) Ruang kerja bersendirian.<br>c) Aktiviti sukan dan rekreasi.<br>d) Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah.<br>e) Kawasan dan tempat awam *indoor* atau *outdoor* tanpa ada individu lain.<br>f) Sewaktu makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain (selain di restoran atau premis makanan). |

| Aktiviti Dibenarkan |
|---|
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Aktiviti Tidak Dibenarkan |
|---|
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Arahan Tetap |
|---|
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 8. Kawalan Pergerakan | • Rentas negeri **dibenarkan** bagi **individu yang telah lengkap menerima vaksin** dengan mengemukakan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan/ pasport sebagai pembuktian.<br>• Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 12 tahun ke bawah dengan mematuhi protokol kesihatan umum.<br>• Kebenaran pergerakan rentas negeri ini tidak dibenarkan di kawasan atau lokaliti yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).<br>• Pergerakan pekerja merentas negeri adalah tertakluk kepada pas pekerja atau surat pengesahan majikan.<br>• Pergerakan individu yang belum lengkap divaksin bagi tujuan kes kematian dan kecemasan dibenarkan setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Pergerakan individu, pengangkutan barangan dan pengangkutan awam bagi semua jenis kenderaan dibenarkan berdasarkan jumlah kapasiti kenderaan dan lesen pendaftaran kenderaan.<br>• Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan **dibenarkan** beroperasi 24 jam. |
| 9. Perkhidmatan Awam dan Swasta | • Kapasiti kehadiran 100%.<br>• Perkhidmatan Awam tertakluk kepada arahan semasa Ketua Setiausaha Negara.<br>• Mematuhi garis panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (sila rujuk laman sesawang KKM di https://covid19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts). |

| Aktiviti Dibenarkan |
|---|
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Aktiviti Tidak Dibenarkan |
|---|
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Arahan Tetap |
|---|
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 10. Mesyuarat dan Temu Duga | • Mesyuarat dan temu duga bersemuka **dibenarkan** bagi **individu yang telah lengkap menerima vaksin** tertakluk kepada kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal.<br>• Mesyuarat parti dibenarkan bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin tertakluk kepada 50% kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal. Sidang media selepas mesyuarat parti dibenarkan dengan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.<br>• Individu yang belum divaksin perlu menjalani *pre-event test* menggunakan kit ujian kendiri (*saliva*) sebelum hadir disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan atau mengikuti mesyuarat secara sidang video.<br>• Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video. |
| 11. Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan dan Ceramah serta MICE | • Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah serta MICE *(Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions)* **dibenarkan** bagi **individu yang telah lengkap menerima vaksin** tertakluk kepada kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal.<br>• Individu yang belum divaksin perlu menjalani *pre-event test* menggunakan kit ujian kendiri (*saliva*) sebelum hadir disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan.<br>• Menjalani ujian pengesanan COVID-19 apabila melakukan aktiviti selaras dengan garis panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (sila rujuk laman sesawang KKM di https://covid19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts). |

| Aktiviti Dibenarkan |
| --- |
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Aktiviti Tidak Dibenarkan |
| --- |
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Arahan Tetap |
| --- |
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| **Waktu Berkuat Kuasa** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan** | **Bersyarat** |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
| --- | --- |
| 12. Majlis Rasmi Kerajaan dan Swasta | • Majlis rasmi Kerajaan dan swasta **dibenarkan** bagi **individu yang telah lengkap menerima vaksin** tertakluk kepada kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal.<br>• Individu yang belum divaksin perlu menjalani *pre-event test* menggunakan kit ujian kendiri (*saliva*) sebelum hadir disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan.<br>• Digalakkan menjalani ujian pengesanan COVID-19 apabila melakukan aktiviti selaras dengan garis panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (sila rujuk laman sesawang KKM di https://covid19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts). |
| 13. Aktiviti Sosial | • Majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis sambutan perayaan, majlis meraikan pernikahan atau pertunangan, majlis perkahwinan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion, retreat* dan lain-lain majlis sosial **dibenarkan** bagi individu yang telah **lengkap menerima vaksin** dengan 50% kapasiti ruang dan penjarakan fizikal.<br>• Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia ~~18~~ 12 tahun ke bawah dengan mematuhi protokol kesihatan umum.<br>• Digalakkan menjalani ujian pengesanan COVID-19 apabila melakukan aktiviti selaras dengan garis panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (sila rujuk laman sesawang KKM di https://covid19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts). |

# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 4

TARIKH KEMAS KINI: 3 JANUARI 2022

| Aktiviti Dibenarkan |
|---|
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |
| **Aktiviti Tidak Dibenarkan** |
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |
| **Arahan Tetap** |
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 14. Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan, Komoditi dan Pembalakan | • Semua aktiviti serta rantaiannya dibenarkan beroperasi mengikut syarat lesen kecuali seperti yang dinyatakan dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*<br>• Mematuhi garis panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (sila rujuk laman sesawang KKM di https://covid19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts). |
| 15. Sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan dan Pengkuarian | • Bagi sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja seperti berikut:<br>(a) 80% hingga 100% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja.<br>(b) Kurang 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti sehingga 80% pekerja sahaja.<br>• Mematuhi garis panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (sila rujuk laman sesawang KKM di https://covid19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts).<br>• Bagi sektor pembuatan, ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan. |
| 16. Sektor Perdagangan dan Pengedaran | • Semua sektor perdagangan dan pengedaran termasuk aktiviti perniagaan serta perkhidmatan dibenarkan beroperasi mengikut syarat lesen. |

| Aktiviti Dibenarkan |
|---|
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Aktiviti Tidak Dibenarkan |
|---|
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Arahan Tetap |
|---|
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 16. Sektor Perdagangan dan Pengedaran | **Dengan Syarat Pelanggan telah Lengkap Divaksinasi**<br><br>1. Kedai barang fotografi dan perkhidmatan fotografi<br>2. Kedai barangan terpakai<br>3. Kedai bunga dan nurseri<br>4. Kedai kraftangan dan cenderahati<br>5. Kedai antik<br>6. Kedai alat permainan<br>7. Kedai permaidani<br>8. Kedai kandungan kreatif dan peralatan industri kreatif<br>9. Kedai peralatan *outdoor* (termasuk peralatan perkhemahan, memancing dan lain-lain)<br>10. Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi<br>11. Kedai tembakau (termasuk vape dan rokok elektronik)<br>12. Kedai barangan rumah dan peralatan dapur<br>13. Kedai perabot<br>14. Kedai peralatan sukan<br>15. Kedai aksesori kenderaan<br>16. Pusat pengedaran dan jualan kenderaan<br>17. Kedai pakaian, fesyen dan aksesori<br>18. Kedai barang kemas<br>19. Kedai gunting rambut<br>20. Pusat/ Salun kecantikan<br>21. Galeri Perumahan *(Show Room)*<br><br>• Pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang ingin **memasuki premis MESTI** menunjukkan **Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19** yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap.<br>• Bagi ibu bapa/ penjaga yang telah menerima vaksinasi lengkap **dibenarkan** membawa anak-anak berusia 12 tahun ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. |

| Aktiviti Dibenarkan |
|---|
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Aktiviti Tidak Dibenarkan |
|---|
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Arahan Tetap |
|---|
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| *17. Dine-in* | • Pengusaha restoran termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk **dibenarkan** menyediakan perkhidmatan *dine-in* dengan mematuhi syarat berikut:<br>➢ Hanya menerima pelanggan yang **telah lengkap divaksin** dan **tidak bergejala**.<br>➢ Pemilik premis perniagaan MESTI memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis.<br>➢ Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja.<br>➢ Pemilik premis perniagaan perlu memastikan susun atur meja mengikut penjarakan dan premis mempunyai sistem pengudaraan *(ventilation)* yang baik.<br>➢ Aktiviti *dine-in* dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter tertakluk kepada SOP KPDNHEP PPN Fasa 4 - Perdagangan Pengedaran.<br>• Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap **dibenarkan** membawa anak-anak berusia 12 tahun ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).*

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 18. Pasar | • Semua jenis pasar kecuali pasar malam dan pasar minggu dibenarkan beroperasi mengikut lesen atau permit tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA atau PBT.<br>• Pasar borong **dibenarkan** beroperasi mengikut waktu operasi yang ditetapkan oleh syarat lesen dan permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan syarat pekerja lengkap divaksin serta mematuhi SOP dengan pengawasan anggota RELA atau PBT.<br>• Pasar malam dan pasar minggu dibenarkan beroperasi dengan memastikan pelanggan yang ingin memasuki kawasan pasar malam dan pasar minggu **MESTI** menunjukkan **Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19** yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap. |
| 19. Spa, Pusat Kesihatan *(Wellness)* dan Urut Kesihatan | • Operasi perniagaan spa, pusat kesihatan *(wellness)* dan urut kesihatan dibenarkan kepada pengunjung dan operator yang telah lengkap divaksin.<br>• Pekerja dan pelanggan mestilah mempunyai vaksin lengkap, bukan kes positif COVID-19, bukan kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala.<br>• Hanya membenarkan pelanggan yang ada janji temu sahaja. ***Walk-in* tidak dibenarkan.**<br>• Memakai sarung tangan (jenis pakai buang), pelitup muka, dan *face shield* semasa menjalankan aktiviti.<br>• Menggantikan (termasuk sarung tangan, alas katil atau tilam atau kerusi) dan menyuci hama peralatan termasuk *face shield* bagi setiap pelanggan.<br>• Memastikan sistem pengudaraan diselenggara mengikut jadual.<br>• Pemantauan oleh MOTAC juga akan dilakukan termasuk:<br>➢ Pengusaha SPA perlu mengisytiharkan jumlah pekerja telah lengkap vaksin dan diserah pada MOTAC sebelum dibenarkan beroperasi.<br>➢ Program Kendiri Pematuhan SOP terutamanya ventilasi dalam premis.<br>➢ Pemeriksaan pemantauan secara *spot check* dan berkala dilakukan oleh MOTAC.<br>➢ Saringan ujian pengesanan COVID-19 ke atas pekerja yang bergejala. |

| Aktiviti Dibenarkan |
|---|
| • Semua sektor dan aktiviti kecuali perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Aktiviti Tidak Dibenarkan |
|---|
| • Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan *(Negative List).* |

| Arahan Tetap |
|---|
| • Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.<br>• Akta 342.<br>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.<br>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.<br>• Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
